



**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

# TEMU DUGA TERBUKA (WALK-IN)

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi menghadiri Temu Duga Terbuka jawatan berikut:

**A. TEMU DUGA TERBUKA (WALK-IN) AKAN DIADAKAN PADA TARIKH DAN TEMPAT SEPERTI BERIKUT:**

JAWATAN	KEKOSONGAN JAWATAN	TARAF JAWATAN	KADAR UPAH (RM)	TARIKH TEMU DUGA TERBUKA	TEMPAT TEMU DUGA TERBUKA	MASA PENDAFTARAN
PENOLONG AKAUNTAN	09	MYSTEP	RM 1,900	06 FEBRUARI 2024 (SELASA)	INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (IDB) NO. 19, JALAN YAACOB LATIF (JALAN TENTERAM) BANDAR TUN RAZAK 56000 CHERAS KUALA LUMPUR	8.30 PAGI - 10.30 PAGI
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN	04					
PENOLONG PEGAWAI TADBIR	03					
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	08		RM 1,700			
PEMBANTU TADBIR (KERANI OPERASI)	06					

**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI  
03-2617 9613 / 9604 / 9621 / 9622**

**B. TEMU DUGA TERBUKA (*WALK-IN*) AKAN DIADAKAN PADA TARIKH DAN TEMPAT SEPERTI BERIKUT:**

JAWATAN	KEKOSONGAN JAWATAN	TARAF JAWATAN	KADAR UPAH (RM)	TARIKH TEMU DUGA TERBUKA	TEMPAT TEMU DUGA TERBUKA	MASA PENDAFTARAN
PEGAWAI PSIKOLOGI	01	MYSTEP	RM2,100	07 FEBRUARI 2024 (RABU)	INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (IDB) NO. 19, JALAN YAACOB LATIF (JALAN TENTERAM) BANDAR TUN RAZAK 56000 CHERAS KUALA LUMPUR	8.30 PAGI - 10.30 PAGI
PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA	01					
PENOLONG PERANCANG BANDAR DAN DESA	01		RM 1,900			
PENOLONG JURUTERA (AWAM)	03					
PENOLONG JURUUKUR (GEOSPATIAL)	01					
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	05					

**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI  
03-2617 9613 / 9604 / 9621 / 9622**

## B. UMUR

Calon-calun hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tahun 2024.

## C. SYARAT PELANTIKAN

Calon-calun dikehendaki melayari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ([www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)) untuk menyemak kelayakan dan melihat keseluruhan iklan bagi jawatan di atas.

## D. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Calon-calun dikehendaki membawa dokumen **asal** dan **salinan** yang telah disahkan seperti berikut semasa Temu Duga Terbuka (*Walk-in*):

- (i) **KAD PENGENALAN;**
- (ii) **SIJIL KELAHIRAN;**
- (iii) **SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM). SLIP SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TIDAK DITERIMA;**
- (iv) **IJAZAH, DIPLOMA, STPM, STAM, SIJIL MATRIKULASI YANG DIMILIKI;**
- (v) **TRANSKRIP AKADEMIK;**
- (vi) **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN DIPLOMA DARIPADA MQA ATAU MQR;**
- (i) **SIJIL DIGITAL LENGKAP VAKSINASI COVID-19;**
- (ii) **SEKEPING GAMBAR TERBARU BERUKURAN PASPORT.**

## CATATAN

- (i) Semua dokumen salinan yang dinyatakan di atas perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas, Wakil Rakyat / Senator, Pesuruhjaya Sumpah, Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat / Penyelia Pembangunan Mukim (PPM). Pengesahan selain daripada kumpulan yang dinyatakan adalah **tidak sah**.
- (ii) **ETIKA PEMAKAIAN**
  - (a) Mestilah berpakaian kemas, pakaian formal dengan warna yang bersesuaian. Kasut hendaklah bertutup dan berwarna gelap.
  - (b) **Calon lelaki perlu memakai baju kemeja lengan panjang berwarna cerah (lengan baju tidak boleh dilipat) dan seluar *slack* berwarna gelap paras buku lali.** Rambut mestilah disikat rapi dan kemas. Sekiranya menyimpan misai atau jambang, hendaklah dicukur/dipotong dengan rapi.
  - (c) **Calon wanita perlu memakai pakaian kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing atau *Two/Three Piece Suit*.** Sekiranya tidak bertudung, rambut hendaklah kemas dan tidak diwarnakan dengan warna selain warna rambut.
- (iii) Kegagalan calon menyediakan dokumen dan mematuhi etika pemakaian yang ditetapkan seperti di atas boleh mengakibatkan calon tidak dibenarkan untuk menjalani Temu Duga Terbuka (*Walk-in*) ini.

**TARIKH BUKA IKLAN : 26 JANUARI 2024 (JUMAAT)**

Iklan kekosongan jawatan ini juga dipaparkan di Portal Rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ([www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my))